



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 22 BILANGAN 50

RABU 14HB. DISEMBER, 1977.

1398 رابو 3 محرم

PERCHUMA

Tiga beradek terima derma mata

PEMBEDAHAN PEMINDAHAN MATA YANG PERTAMA DI-JALANKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Satu pembedahan pemindahan tiga biji mata telah di-lakukan buat pertama kali-nya di-negeri ini ka-atas tiga orang pesakit mata yang terdiri dari tiga orang adek beradek pada petang hari Jumaat, 9hb Disember minggu lalu.

Pembedahan tersebut yang di-perchayai sa-bagai pembedahan yang julong2 kali di-lakukan di-wilayah Borneo sa-jauh ini, telah di-ketuai oleh sa-orang pakar pembedahan mata dari Britain, Awang Andy Richard dan di-bantu oleh pegawai2 Klinik Mata di-Rumah Sakit Besar di-sini.

Tiga orang adek beradek yang telah menjalani pembedahan itu terdiri dari Awang Zainal bin Haji Hassan, 23 tahun dan adek2-nya Dayang Mazrina, 18 tahun dan Hamdi, 14 tahun, mereka berasal dari Kampung Sumbiling Lama di-sini.

Mereka telah menjalani pembedahan itu di-Bilik Pembedahan mulai pukul 6.00 petang dan berakhir kira2 jam 11.00 malam. Biji2 mata yang baru di-pindahkan kepada pesakit2 itu telah di-dermakan oleh Bank Mata Antarabangsa di-Seri Lanka yang telah di-terbangkan ka-negeri ini pada petang itu juga.

Mata2 baru itu telah di-pindahkan bagi mata sa-belah kiri kepada Awang Zainal manakala mata di-sa-belah kanan telah di-pindahkan kepada Dayang Mazrina dan Awg Hamdi.

Awg Andy Richard yang ketika ini sedang melakukan lawatan enam minggu bagi menggantikan sementara tugas2 Dr. Joshi dari Klinik Mata, Rumah Sakit Besar di-sini yang kini sedang mengikuti kursus mata di-Amerika Sharikat menyatakan, pemindahan biji mata tersebut sa-jauh ini menunjukkan kejayaan, bagaimana pun beliau menambah kata kejayaan sa-penoh-nya hasil dari kerja pemindahan itu akan dapat di-lihat lewat minggu ini di-mana sa-kurang2-nya 60 peratus penglihatan ketiga2 pesakit itu akan dapat di-pulehkan.

Ada-lah di-fahamkan lewat pagi Sabtu lepas ketiga2 pesakit yang kurang penglihatan di-kedua2 be-

lah mata mereka sejak kecil itu telah di-buka balut mata masing2, dan mereka ada-lah dalam keadaan baik.

Ada-lah di-harapkan oleh pihak Klinik Mata di-Rumah Sakit Besar di-sini satu pembedahan yang sama akan juga di-jalankan ka-atas mereka bagi mata yang sa-belah lagi jika pembedahan yang julong2 kali itu menampakkan peresuaian dengan pesakit2 tersebut.



Pembedahan ka-atas salah sa-orang pesakit sedang di-jalankan di-bilik bedah Rumah Sakit Umom pada hari Jumaat lalu.



Guru2 Ugama pendidek rohani dan pembentok akhlak murid2

BANDAR SERI BEGAWAN.—Guru2 Ugama di-negeri ini ada-lah mempunyai peranan yang penting dalam memberikan pendidekan rohani dan membentok akhlak murid2 daripada

peranan yang di-mainkan oleh ibu-bapa.

Dari itu mereka di-seru supaya akan sentiasa menumpukan segala tenaga bagi mendidek jenerasi muda itu di-bidang ugama Islam supaya dengan dedikan itu nanti akan dapat menimbulkan semangat ke-Islaman yang sejati di-jiwa mereka.

Ini telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Awang Mohammad bin Haji Daud, Pegawai Pemerintah Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei ketika berucap sa-belum menyampaikan sijil2 kepada 90 orang penuntut lepasan Maktap Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada Isnin lalu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa menekankan betapa peranan yang begitu penting yang di-pertanggung-jawabkan itu ada-lah kerana guru2 mempunyai masa yang lebih banyak daripada ibu-bapa murid2 untuk memerhatikan bagaimana murid2 itu membentok perangai mereka. Pergaulan mereka dengan kawan2 di-sekolah dan di-luar rumah akan mendatangkan beberapa pengaruh kepada kehidupan mereka.

Di-dalam keadaan dunia hari ini yang terdapat berbagai2 pengaruh yang mudah merasak ka-dalam jiwa

anak2, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa itu mengingatkan lagi, pengaruh itu ada-lah lebih banyak mendatangkan perkara maksiat, dari itu guru2 tidak sa-patut-nya jamah-mata kepada pengaruh2 yang membahayakan itu.

“Perangi-lah pengaruh ini dengan menanamkan ka-jiwa anak2 hukum2 ugama Islam yang mengutok perkara jahat dan menggalakkan perkara yang berkebajikan”, jelas Yang Berhormat itu lagi.

Yang Berhormat Pegawai Pemerintah Battalion Pertama Askar Melayu Diraja itu turut menasehatkan guru2 lepasan tersebut supaya lebih tekun menambahkan lagi pengetahuan mereka di-mana ilmu pengetahuan ada-lah faktor yang utama bagi mencapai kejayaan, kerana kata-nya, sijil yang mereka perolehi itu hanya-lah sa-bagai perengkat permulaan bagi mencapai kejayaan sa-lanjut-nya.

“Di-samping itu juga kamu mesti-lah berdamping rapat dengan masyarakat. Dengan pengetahuan kamu di-bidang ugama Islam ini, kamu boleh membimbing kelas2 pelajaran ugama, kelas2 mengaji Kor'an di-kampung2 di-luar dari masa mengajar di-sekolah”, jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa sa-lanjut-nya.

Lihat muka 12

PAMERAN sa-lama sa-bulan yang berthemakan “Pertandingan Membaca Al-Koran” kini sedang di-adakan di-Muzium Brunei di-Kota Batu. Pameran itu di-anjarkan oleh muzium tersebut dengan kerjasama JHEU Brunei.

Pameran itu di-adakan bertujuan untuk memperingati kemenangan Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit yang telah menjadi johan dalam Pertandingan Membaca Al-Koran Peringkat Antarabangsa yang berlangsung di-Kuala Lumpur dalam bulan September yang lalu.

Antara bahan2 yang dipamerkan itu termasuklah hadiah2 dan chenderamata kenangan2 yang di-menangi oleh Awang Haji Mashud dalam beberapa pertandingan.

Kira2 100 orang kenamaan, termasuk Penasihat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain (gambar atas) telah menghadiri satu prebui pameran pada hari Khamis lalu.

SUK berchuti

UNTOK makloman semua kakitangan2 Kerajaan, semasa ketiadaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Setia Usaha Kerajaan Brunei kerana berchuti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dengan sukachita-nya melantek Yang Mulia Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib sa-bagai Pemangku Setia Usaha Kerajaan mulai dari 10hb Disember, 1977.



Pelita Brunei

CELEBRITAN PADA TIAP2 HARI BARU

AKHAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

14HB DISEMBER, 1977

Memelihara semangat kesokanan

DI-NEGERI kita Brunei, sokan dalam berbagai jenis, perengkat dan chara telah di-perkenalkan sejak di-bangku sekolah lagi. Sokan itu juga di-pertandingkan dari perengkat daerah, negeri dan hingga ka-perengkat antarabangsa. Barang sudah setentunya dalam satu2 pertandingan atau perlakuan itu ada yang berjaya dan ada pula yang tewas atau gagal untuk mencapai kemenangan—itu ada-lah suatu perkara biasa. Dalam hal ini, apa yang harus kita tanamkan di-sanubari setiap olahragawan dan olahragawati kita ia-lah semangat kesokanan ia-itu bukan saja satu2 tujuan kita untuk mencapai kemenangan akan tetapi hendaklah men-chuba dengan sedaya-upaya kita yang terdaya.

Sejak acara sokan di-pertandingan sama ada di-perengkat daerah, negeri atau antarabangsa, ia-nya bukan sa-takat hanya bertujuan bermain untuk mengeluarkan peloh atau menyehatkan badan sahaja, akan tetapi sokan sekarang ini sudah menjadi sa-bahagian dari kepentingan negara dan ia-nya juga sudah mengheretkan nama negara bersama2-nya. Mithal-nya, Piala Borneo, Sokan Terbuka Singapura, Sokan SEA, Bolasepak Antara Sekolah2 Asia dan lain2 lagi di-mana Brunei telah di-undang untuk menyertai-nya, selain dari untuk mengharumkan nama negara maka tujuan utama-nya ia-lah juga mengeratkan persefahaman dan muhibbah di-kalangan rakyat di-rantau yang berkenaan supaya perpaduan serta keamanan akan dapat di-kekalkan.

Pada satu ketika pengulas sokan dalam surat khabar luar negeri pernah memuji semangat peserta2 atau olahragawan Brunei yang menyertai Sokan SEA kerana kecekapan serta kegigihan mereka dalam pertandingan itu, sekali pun peserta kita Brunei tidak dapat memenangi pingat emas atau pingat perak! Kita ucapkan shabas—semangat kesokanan atau *sporting spirit* inilah yang harus kita pelihara pada bila2 masa bagi mengharumkan nama baik rakyat dan negara kita Brunei Darussalam.

Pada minggu lalu, sa-pasokan pemain bolasepak kita telah bertolak ka-benua kecil India untuk menyertai Pertandingan Bolasepak Antara Sekolah2 Asia; dan seurus sa-belum rombongan tersebut berlepas, Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa telah menyerahkan Bendera Brunei kepada pasukan itu, dalam suatu upacara rengkas dan bersejarah. Dalam upacara rengkas itu juga Yang Teramat Berhormat telah menyampaikan pesanannya.

"Saya mengucapkan berbilang2 terima kasih kerana memberikan penghormatan kepada saya pada menjemput untuk menyampaikan Bendera Negeri Brunei kepada pasukan Brunei yang akan menyertai perlakuan bagi kejohanan Bolasepak Antara Sekolah2 Asia kali ke-8 yang akan di-adakan di-Agra, India.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kepada peserta2 dan juga pegawai2 yang akan mewakili Negeri Brunei di-perlawanan itu bahawa sungguh pun tujuan utama kita menyertai kejohanan seperti ini ia-lah untuk mencapai kemenangan, akan tetapi mesti-lah juga sentiasa ingat bahawa dalam usaha Awang2 ka-arah matlamat itu, apa yang lebih mustahak ia-lah chara kita mencapai kemenangan itu yakni dengan chara permainan yang mempunyai semangat kesokanan yakni *sporting spirit* dan mematuhi peraturan2 permainan itu."

Sa-lain dari itu, apa yang menjadi kenangan manis dan bersejarah kepada rakyat dan bangsa Brunei dalam pemergian peserta bolasepak itu ia-lah bahawa Bendera Brunei, Kuning, Puteh, Hitam dan Kuning serta Panji2 di-tengah2-nya itu akan berkibar dengan megah-nya di-saksikan oleh lautan manusia di-benua kecil India dan di-mana2 saja peserta kita menyertai sokan demi kepentingan bangsa dan Negeri Brunei jua.

Majlis penyampaian hadiah dan perpisahan

BERAKAS.— Satu Majlis Perpisahan dan Penyampaian hadiah2 bagi peraduan menaip, seni gregg dan seni taip bagi pelajar2 kelas menaip dan trengkas di-Sekolah Melayu Anggerek Desa, Berakas telah di-adakan pada hari Ahad, 11hb Disember, 1977.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penyelia Pelajaran Dewasa Sekolah Anggerek Desa, Che'gu Tusin bin Haji Tamat. Peraduan tersebut telah di-adakan pada 4hb Disember, 1977 lalu bagi menguji kebolehan pelajar2 dan sa-bagai persaingan untuk menempoh peperiksaan anjoran T.M.I. Singapura yang akan di-adakan mulai minggu depan.

Pelajar2 yang berjaya itu ia-lah :—

A. Menaip Perengkat Tertinggi : Johan—Dayang Eznah bte Haji Abdullah; kedua—Dayangku Sariah bte Pengiran Jumaat; ketiga—Noriah bte Ibrahim.

B. Menaip Perengkat Menengah : Johan—Awang

Suhaili bin Haji Tarip; kedua—Dayang Aizen bte Hj Abdullah; ketiga—Dk Masnah bte Pg Damit.

C. Menaip Perengkat Permulaan : Johan—Dayang Sapiah bte Haji Abd Rahman; kedua—Dayang Armah bte Hamdan; ketiga—Dayang Hajjah Aminah bte Haji Metussin.

D. Seni Gregg : Johan—Awang Suhaili bin Abdul Hamid; kedua—Dayang Zaiton bte Ramlil; ketiga—Awang Mat Jair bin Sapar.

E. Seni Taip : Hadiah Penghargaan kepada Awg Hamzah bin Md. Sidek.

F. Pelajar Terbaik dari segi kedatangan : Dayang

Norhayati bte Abd Lakim, pelajar menaip perengkat permulaan.

Majlis itu juga di-adakan sa-bagai perpisahan kepada pelajar2 yang akan berchuti bagi penggal akhir persekolahan.

Kira2 60 orang pelajar2 trengkas dan menaip di-sekolah itu telah hadir.

Sementara itu pendaftaran kelas2 baharu bagi pelajaran trengkas dan menaip di-sekolah itu telah pun mula di-buka pada hari Jumaat lepas sepanjang hari persekolahan dan akan ditutup pada 23hb Disember, 1977. Di-samping pelajaran trengkas dan menaip, pelajaran steno dan menaip

ujian pantas juga akan di-adakan di-sekolah itu mulai tahun hadapan, tergantung kepada banyak bilangan yang ingin mempelajari-nya. Kapada orang ramai yang ingin memasuki kelas2 trengkas, menaip, steno dan menaip ujian pantas di-Sekolah Melayu Anggerek Desa, bolehlah mendapatkan borang2 masuk belajar yang boleh di-perolehi daripada Penyelia Pelajaran Dewasa atau kapada Guru2 Kelas Trengkas dan Menaip di-sekolah itu. Kapada pelajar2 yang sedang belajar, juga di-kehendaki mendaftar semula untuk belajar di-tahun hadapan.

Harga roti paun

SUKACHITA sekali lagi di-ma'alumkan kepada pembeli2 dan orang ramai bahawa harga runchit bagi roti paun yang di-buat oleh **KING LIANG BAKERY** beralamat Batu 1½ Jalan Gadong, Brunei telah di-turunkan harga-nya berikutan dengan penviasatan mengenai berat bagi roti paun yang di-buat-nya baru2 ini yang mana telah di-dapati kurang dari apa yang di-tetapkan oleh Pengawal Harga.

Oleh yang demikian dengan persetujuan di-antara kedua belah pihak, maka Pengawal Harga dengan ini memberi tahu kepada orang ramai mulai 8hb Disember, 1977 yang lalu harga runchit bagi roti paun keluaran King Liang Bakery ada-lah di-turunkan seperti berikut:—

JENIS ROTI PAUN	BERAT-NYA		HARGA RUNCHIT	
	LAMA	BARU	LAMA	BARU
Puteh (Besar) ...	25 ozs	28 ozs	\$1.45	\$1.45
Puteh (Kecil) ...	12½ ozs	14 ozs	\$0.75	\$0.75

Ada-lah perlu di-ingatkan sekali lagi kepada orang ramai jika sekira-nya ada di-dapati sa-barang penjaja atau kedai2 yang menjual roti paun melebihi dari harga yang di-persetujui atau kurang berat-nya, sila-lah hubongi Pengawal Harga atau talipon No. 25555.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 10hb Disember, 1977 sahaja.

BANDAR SERI BEGAWAN :

1. **UDANG KERING** — \$5.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Liong Yu Co. No. 58, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.
 - b) Chop Hock Huat No. 62, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.

2. **KACHANG MERAH** — \$2.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Leong Soon Huat No. 1, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.
 - b) Chop Hock Huat No. 62, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.

3. **ASAM GELUGOR** — \$2.40 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Sharikat Haji Abdul Rahman No. 94, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan.

4. **SAYOR KINCHAM** — \$2.60 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Liong Yu Co. No. 58, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan

5. **KUALA BELAIT :**
 1. **UDANG KERING** — \$5.60 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Teo Hing Hng No. 45, Jalan Pretty, Kuala Belait.
 - b) Yin Tai No. D, Bangunan Dewan Perdagangan China, Jalan Bunga Raya, Kuala Belait.

2. **KACHANG MERAH** — \$2.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Teo Hing Hng No. 45, Jalan Pretty, Kuala Belait.

3. **ASAM GELUGOR** — \$2.50 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Teo Hing Hng No. 45, Jalan Pretty, Kuala Belait.

4. **SAYOR KINCHAM** — \$2.50 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Chop Kun Mee No. 6, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.

5. **UDANG KERING** — \$5.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Liong Yu Co. No. 58, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan

6. **KACHANG MERAH** — \$2.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Leong Soon Huat No. 1, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.
 - b) Chop Hock Huat No. 62, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.

7. **ASAM GELUGOR** — \$2.40 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Sharikat Haji Abdul Rahman No. 94, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan.

8. **SAYOR KINCHAM** — \$2.60 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Liong Yu Co. No. 58, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan

9. **Koh Kit Hin** No. 28, Jalan Pretty, Jalan Pretty.
10. **SAYOR KINCHAM** — \$3.20 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Yick Yuen No. 3, Jalan Pretty, Kuala Belait.
 - b) Fah Sen Company No. 27, Jalan Pretty, Kuala Belait.
 - c) Ng Ming Hong No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China, Jalan Bunga Raya, Kuala Belait.

SERIA :

1. **UDANG KERING** — \$5.50 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Siong Huat No. 40, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.

2. **KACHANG MERAH** — \$2.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Chop Kun Mee No. 6, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.

3. **ASAM GELUGOR** — \$2.80 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Hui Guan No. 48-B, Jalan Bunga Kuning, Seria.

4. **SAYOR KINCHAM** — \$2.50 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Chop Kun Mee No. 6, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.

5. **UDANG KERING** — \$5.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Liong Yu Co. No. 58, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan

6. **KACHANG MERAH** — \$2.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Leong Soon Huat No. 1, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.
 - b) Chop Hock Huat No. 62, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.

7. **ASAM GELUGOR** — \$2.40 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Sharikat Haji Abdul Rahman No. 94, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan.

8. **SAYOR KINCHAM** — \$2.60 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Liong Yu Co. No. 58, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan

9. **KUALA BELAIT :**
 1. **UDANG KERING** — \$5.60 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
 - a) Teo Hing Hng No. 45, Jalan Pretty, Kuala Belait.
 - b) Yin Tai No. D, Bangunan Dewan Perdagangan China, Jalan Bunga Raya, Kuala Belait.

SEKITAR PERKELAHAN BELIA DI-PANTAI TUNGKU

Di-Pantai Tungku terdapat sungai, Tempat perkelahan udara-nya nyaman; Sungoh bertuah negeri Brunei, Raayat-nya makmor sentosa aman.

Brunei negeri bertuah, Pantai Tungku Kayu sadaman; Kesah Perkelahan Belia berlalu sudah, Orang kan tinggal jadi kenangan.

Dailog menarek bukan kepalang, Ada yang susah, juga ada senang; Pendapat Awda bukan batu penghalang, Demi kepentingan belia, tetapi bukan-nya dalang!



Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain kelihatan sedang menyampaikan ucapan selamat kepada pemimpin2 belia sa-belum Perkelahan Belia di-mulakan di-Pantai Tungku, Gadong, baru2 ini. Antara lain Yang Berhormat itu menyatakan penghargaan dan terima kasih-nya kepada pemimpin2 belia yang telah hadir dalam perkelahan tersebut demi menunaikan kewajipan untuk kepentingan bangsa dan negara jua.



Belia2 gotong-royong membersehi Pantai

KERJA gotong-royong membersehi Pantai Tungku, Gadong, telah di-lakukan dalam Perkelahan Belia, baru2 ini. Ada yang memungut sampah sarap, belahan2 kacha, ada yang membakar kayu dan ranting2 dan ada pula yang menggali lobang untuk tempat membuang sampah sarap seperti kelihatan dalam gambar ini. Kira2 lebeh 100 orang pemimpin belia telah menyertai perkelahan tersebut.

Kegiatan permainan2 kecil terhenti sebentar disebabkan hujan. Sa-lepas hujan yang turun dengan lebat-nya itu tedoh, seurus ketibaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Setia Awang Haji Abdul Aziz, maka majlis dailog pun di-mulakan.

Ya, sungoh serunok makan beramai2 sambil menekmati panggang kambing, lembu, siar dan lain2 lagi di-sebelah tengah-hari seperti kelihatan dalam kedua2 gambar bawah sekali. Jangan lupa, lain kali kita akan mengadakan lagi perkelahan belia seperti itu! Kali ini



di-pantai mana pula? Kita mengharapkan perkelahan yang akan datang akan di-adakan sa-chara besar2-an. Kita ucapkan shabas kepada penganjor Perkelahan Belia pada hari itu, ia-itu Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dengan kerjasama Majlis Belia2 Negeri Brunei.



SCIENCE SEMINAR

BERAKAS.—A two-week science seminar aimed at improving the standards of science teaching in the country is currently being held at the Bera-kas English School here.

It is organised by the Planning, Research and Guidance Unit of the Education Department and conducted by two lecturers from Scotland, Mr. Thomas Morrison and John Hughes.

About one hundred teachers from twenty-five Government secondary, mission and Chinese schools are taking part in the seminar.

The picture below shows the Director of Education Awang Ahmad bin Haji Jumat addressing the participants before declaring the seminar open last Monday.

ANOTHER DIES IN ROAD ACCIDENT

SINAUT.—Another person died on Brunei's roads last week. The latest victim, the forty-seventh this year, was a seventy-year old labourer with the Agricultural Training Centre here, Awang Haji Baha bin Othman.

He was killed instantly when he was knocked off his bicycle by an oil tanker just as he was going home from work.

The accident occurred during heavy rains at Mile 20, Jalan Tutong.

The death toll is eight more than for the whole of last year.



The Yang Teramat Mulia is seen in this picture with the prize she had just received. Seated next to her is her sister Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkiah Hayatul Bolkihah.

PRINCESS AMONG BEST STUDENTS

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah, the eldest child of His Highness the Sultan and Her Highness the Raja Isteri, was among seventy-nine students of the St. Andrew's School here, who received prizes at a ceremony held at the school recently.

They had been selected as best students for 1977.

They received their prizes from Mrs. Davidson, the wife of the British High Commissioner.

Mrs. Davidson also presented school leaving certificates to seventy-two Form Five students of the school.

Among those present were the High Commission-

er, Mr. James Davidson, teachers, parents and guardians of the pupils.

Free of cholera

BANDAR SERI BEGA-WAN.—The Medical and Health Department has been notified by the Malaysian Health authorities that four places in Sabah, which had been infected with cholera early last month, are now free of the disease.

The four places—Kota Kinabalu, Penampang, Sepurnu and Labuan—have been declared free of cholera since the 28th of last month.



The State school soccer team pictured at the Brunei International Airport just before their departure last Tuesday week for Singapore on their way to the eighth Asian school soccer tournament now being held in Agra, India. The tournament began on Mon-

day and ends next Tuesday.

Leading the team is the Deputy Director of Education Awang Abdul Razak bin Mohammad (extreme right wearing white suit) and three officials.

In the middle is the State

flag which was presented to the team captain Awang Zamri bin Haji Hamdani by the General Adviser to His Highness the Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa at a brief ceremony at the airport.

ROAD SAFETY EXHIBITION

BANDAR SERI BEGA-WAN.—The Brunei Road Safety Committee last week organised a week-long road safety posters exhibition aimed at teaching members of the public the correct ways of using the roads, as well as making them more road safety conscious.

The exhibition, held from Monday at the Language and Literature Bureau, was declared open by the Controller of Land Transport, Awang Abidin bin Abdul Rashid.

Held for the first time since the establishment of the committee early this year, it had on display about one hundred and eighty posters and twenty still pictures showing road accidents, which had been submitted by students throughout the State.

Among those present at the opening ceremony was the Brunei/Muara District Officer Awang Mohammad Salleh bin Haji Hidup.



Four receive certificates

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Four people, a civilian and three members of the Royal Brunei Police Force last week received certificates of appreciation from the Commissioner of Police.

The certificates were presented to them by the Officer Commanding Police District, Superintendent Awang Abdul Rahman bin Awang Besar at a ceremony held at the district police headquarters here.

The four were Awang Ujah anak Sukar, Corporal Kubar, Corporal Garip and Police Constable Omar.

Awang Ujah who lives in Kampong Petani, Tutong received the certificate for informing the police about thieves cutting and removing wires from the nearby television compound and as a result the thieves were apprehended.

The other three received the certificates for their bravery and efficiency in arresting a man who trespassed on a private housing compound.

The picture (above) shows Awang Ujah receiving his certificate from the OCPD.

X'mas tree

BANDAR SERI BEGA-WAN.—The Forest Department will be selling Christmas trees from the 21st to 24th of this month.

The trees can be bought from the department's Head Office here or at the forest stations in Seria.

They are priced at between six and twelve dollars each.

Those wishing to buy the trees are advised to place their orders early.



AKHLAK DAN BUDI PEKERTI TERPUJI CHERMIN KEISLAMAN

UGAMA Islam itu bukan-lah sa-takat mengucap dua kali-mah shahadat, mendirikan sembahyang, mengerjakan puasa, mengeluarkan zakat dan naik haji, tetapi termasuk juga yang mesti di-perhatikan oleh sa-tiap kita, ia-lah akhlak yang baik dan budi pekerti yang terpuji, yang di-cherminkan sa-penoh-nya oleh peribadi Rasulullah s.a.w., sa-bagaimana hal ini di-terangkan oleh Allah di-lam Al-Kor'an ayat 4 dalam Surah Al-Qalam, yang bermaksud: "Dan engkau (Ya Muhammad) sa-sungguh-nya mempunyai akhlak yang ting-gi".

Dalam ayat yang lain pula, Baginda di-sebut sa-bagai chon-toh tauladan yang sempurna, yang meliputi segala akhlak, gerak geri, perbuatan dan per-chakapan Baginda (lihat Surah Al-Ahzab ayat 21).

Salah satu akhlak Rasulullah s.a.w. di-suroh kita me-makai atau mencontohi-nya ia-lah pesan-pesan yang terkandung dalam Hadith yang bermaksud: "Sa-baik2 Islam sa-seorang itu ia-lah meninggalkan apa2 yang tidak kena mengena dengan diri-nya".

Ada pun maksud jangan men-champori perkara2 yang tidak ada kena mengena dengan

kita, ia-lah menjauhkan diri dari segala apa jua yang tidak mendatangkan faedah, baik faedah2 dunia atau yang berkaitan dengan akhirat. Jika ada sikap dan amalan yang sa-demikian ini di-turuti oleh sa-orang muslim, maka berma-na ia memasokkan diri-nya ka-dalam golongan manusia yang sempurna Islam-nya. Atau lebeh tegas lagi, wajib ka-atas sa-orang muslim itu meninggalkan segala perkara yang tidak ada kena mengena dengan diri-nya dalam semua urusan u-gama. Dan ada pun yang men-jadi urusan2 orang Islam itu, ia-lah mematuhi segala ajaran2 Allah Ta'ala, berbuat taat dan ehsan serta beramal dengan chara2 hidup Islam yang tidak di-champor-adokkan dengan ke-budayaan2 manusia yang salah. Atau dengan kata lain, jangan melibatkan diri dalam perkara2 yang tidak ada guna-nya bagi orang2 Islam.

Dalam Saheh Ibnu Hibban, ada sa-buah Hadith merfo' yang bermaksud kira2: Atas

tiap2 orang Islam yang waras, hendak-lah membahagikan ma-sa-nya kepada empat: 1) Masa untuk bermunajat kepada Tu-han-nya, 2) Masa untuk mem-buat kiraan atas diri-nya, 3) Masa untuk memikirkan segala kejadian yang telah di-chipta-kan oleh Allah dan 4) Masa untuk menyempurnakan keper-luan hidup seperti makan dan minum". Dan bagi orang2 yang waras itu juga hendak-lah ja-ngan berusaha melainkan kera-na tiga perkara: 1) Menambah-kan amalan-nya untuk akhirat, 2) Menchari rezki hidup dan 3) Memileh kelazatan bukan dari yang haram".

Demikian-lah wahi kaum muslimin, betapa halus Rasu-lullah s.a.w. memberikan tau-ladan dan jalan ka-arah men-chapai muslim sejati bagi kita umat Islam. Tidak shak lagi, Hadith yang menjadi pokok persoalan kita kali ini, antara-nya ada-lah menghendaki su-nawa orang2 Islam itu jangan lari dari ugama-nya, dalam apa chara pun, di-mana2 jua ia

KHUTBAH JUMAAT

hidup dan berada, jangan ter-pengaruh dengan chara hidup orang lain yang bukan Islam, jangan terburu2 mengikut, dan yang penting hendak-lah berani dan tegas meninggalkan chara2 yang bukan Islam itu, sa-lama mana chara2 Islam maseh ada, walau pun pada dahir-nya ke-lihatan kurang menarik, tetapi pada sisi Allah ia tetap unggul dan terpuji. Ingat-lah, bahawa Allah itu sa-bagai pemegang rahsia yang maha bijaksana, apa yang kita tidak tahu dan tidak nampak, maka sa-sungguh-nya Allah Maha Meli-hat dan Mengetahui-nya.

Kejahilan merupakan penyakit masharakat

UMAT Islam sa-bagai umat yang beragama, ber-dasarkan undang2 Allah dari wahyu, ada-lah amat mustahak memahami haki-kat Islam yang di-anuti oleh mereka, bagi meng-ujudkan pengertian yang le-beh mendalam dan luas. Ini ada-lah memandangkan sa-bahagian dari umat Is-lam sendiri maseh di-um-bang-ambingkan oleh ke-kurangan pengertian dan tidak benar2 mahu mema-hami haluan atau kumpas bahtera yang mereka layar-kan. Boleh di-katakan, ma-seh ada di-sana sini umat Islam yang tidak ambil pe-duli terhadap hakikat Islam yang di-anuti oleh mereka samada sa-chara di-sedari atau tidak di-sedari.

Di-dunia ini memang ter-dapat berbagai2 penyakit dan di-samping itu juga ada ubat2 yang boleh me-nyembuhkan-nya. Betapa hal-nya penyakit kalau ti-dak ada ubat-nya, dan apa pula guna ubat kalau tidak ada penyakit-nya. Keja-hilan ada-lah suatu penya-kit yang amat merbahaya di-kalangan masharakat. Ubat-nya ia-lah mengha-puskan kejahilan itu den-gan daya usaha yang ada pada diri sendiri.

Islam ia-lah ugama dari Allah, yang di-turunkan-nya kepada Nabi Muham-mad s.a.w., untuk di-ajar-kan kepada seluruh umat manusia dengan tidak men-gira bangsa atau keturun-an di-mana juga pun ma-nusia itu berada. Tidak ada ugama yang lain di-akui oleh Allah melainkan Ugama Islam. Firman Al-lah dalam Surah Ali Emran ayat 19 yang berbunyi: "ان الدين عند الله الاسلام". Yang bermaksud lebeh ku-rang: "Ugama di-sisi Allah ia-lah Islam."

Islam di-perkuat dengan mu'jizat. Mu'jizat yang paling be-

Bingkisan minggu ini

sar ia-lah Al-Kor'anul Karim, yang di-dalam-nya terpapar ayat2 yang nyata untuk men-jadi dalil dan hujjah2 kete-rangan. Islam datang ketika dunia sedang dalam kegelapan, gelap dengan kejahilan dan ke-kufuran. Islam membawa pe-nerangan2 yang menghanchor lebokkan manusia ka-jalan yang shirik. Islam-lah menunjok dan mengajar manusia ka-jalan yang lurus, jalan bahagia yang abadi, jalan yang terang benderang dengan sinar ilmu pengetahuan.

Ketika Islam mula di-utus ka-lam dunia ini, manusia dalam kegelapan dan leka hingga ti-dak dapat mengerti siapa Tu-han-nya. Islam-lah ugama pe-tunjuk dan pembimbing manu-sia ka-jalan Tauhid, jalan men-genal Allah dan mengesakan-Nya. Islam-lah yang menentu-kan dan menetapkan bahawa Allah itu tunggal dan tidak ber-sekutu atau sa-banding dengan sa-suatu yang lain. Ini ada di-sebutkan dalam Al-Kor'an su-rah Al-Ikhlash ayat 1 hingga ayat 4 yang berbunyi: "قل هو الله احد الله الصمد. لم يلد ولم يولد. ولم يكن له كفوا احد".

Kira2 maksud-nya: "Katakan-lah wahi Muhammad, Allah itu tunggal. Allah tempat me-mohon segala hajat. Tidak beranak dan tidak di-peranak-kan. Dan tidak sa-suatu pun yang sa-banding dengan-Nya".

Ha-kikat ini-lah yang menjadi dasar utama ugama Islam, ha-kikat mengesakan Allah sa-bagai tempat tumpuan penyem-bahan oleh seluruh umat ma-nusia.

Manusia bertujuan satu, ber-asal dari satu keturunan, kerana di-dorong oleh tugas men-chari makan dan keperluan hidup sa-hari2, ada yang ka-sana dan ada yang ka-mari, sa-hingga mereka berjauhan antara satu keluarga dengan keluarga yang lain, akhir-nya berpisah tidak bertemu kembali dengan kelu-arga2 mereka itu di-mana mas-ing2 bermastautin membe-na kehidupan sa-hingga tidak ken-al mengenai keluarga dari satu jenarasi ka-satu jenarasi. Kerana terputus-nya hubungan keluarga dari satu jenarasi ka-satu jenarasi itu menyebabkan mereka telah lupa dari siapa asal-usul mereka. Mereka tidak tahu lagi siapa asal datok nenek mereka yang bernama Nabi Adam dan Siti Hawa. Kerana itu manusia yang sudah ber-chari berat itu masing2 men-chari siapa asal-usul datok ne-nek mereka dan siapa-kah Tu-han yang menjadikan mereka. Kerana mereka tidak ken-al si-apa asal-usul datok nenek me-reka maka mereka terpaksa men-chari Tuhan menurut pan-duan fikiran mereka yang ko-song. Dengan sebab itu ter-chipta-lah beratus2 ugama dan keperchayaan di-dunia ini.

Allah Yang Maha Berkuasa lagi bijaksana menyusun pen-tadbiran alam ini telah mengu-tusi Nabi2 dan Rasul2-Nya dari sa-orang Rasul ka-sa-orang Ra-sul sa-hingga-lah sampai kepada Rasul yang terakhir i.a. Nabi Muhammad s.a.w. untuk meng-ajar dan memimpin manusia ka-jalan yang lurus, jalan ba-hagia yang abadi.

Selamat pulang

KESEMUA jemaah2 haji sa-ramai 258 orang baru2 ini telah selamat pulang ka-tanah ayer dengan keadaan sehat biar pun kunjungan mereka ka-tanah Suchi Mekah yang lalu menghadapi ancaman wabak kolera yang menyerang kesiba-tan penduduk2 negara Arab baru2 ini.

Keberangkatan pulang mereka telah di-sambut oleh beribu2 orang sanak saudara yang juga tidak ketinggalan di-saluti oleh beberapa orang pembesar2 dan pegawai2 kanan Kerajaan di-Lapangan Terbang Antara-bangsa.

Jemaah2 haji itu telah pul-ang dengan selamat-nya pada malam 2hb., 7hb. dan 9hb. Disember lepas. Turut meng-iringi kepulangan mereka itu termasuk-lah enam orang Pegawai Perhubungan Haji dan enam orang Pegawai dan Kaki-tangan Jabatan Perubatan yang di-lantek menyertai keberang-katan mereka ka-tanah suchi itu.

Gambar sa-belah kiri me-nunjukkan saat2 ketibaan je-maah2 haji turun dari kapal terbang RBA dari Singapura ia-itu jemaah haji kumpulan ke-dua yang bertolak pada 1hb November lalu. (Gambar JHEU).

Memelok Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. —Dua orang lagi saudara baru Islam telah melafadzkan akad Islam masing2 pada hujung bu-lan November, 30hb bertem-pat di-Pejabat Hal Ehwal Ugama di-sini dan Berek Pulis Lapangan Terbang, Berakas.

Kedua2 lafadz Islam itu yang di-jalankan di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mu-dim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Materudin me-mulakan nama baru bagi PC 875, Chan Tan San @ Hassan berumur 21 tahun dengan Awg Mohd Hassan Chin bin Abdul-lah di-rumah Awg Abu Bakar bin Tariff.

Manakala Awg Jambol anak Dua dari puak Bisaya yang ber-asal dari Limbang pula telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd Sofian bin Abdul-lah bertempat di-Pejabat Hal Ehwal Ugama.



Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14hb Disember, 1977 hingga ka-hari Selasa 20hb Disember, 1977 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
14hb Dis	12.20	3.39	6.16	7.30	4.46	5.01	6.19
15hb Dis	12.20	3.39	6.16	7.30	4.46	5.01	6.19
16hb Dis	12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
17hb Dis	12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
18hb Dis	12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
19hb Dis	12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
20hb Dis	12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Kelihatan dalam gambar atas Awang Mohd Hassan Chin bin Abdullah sedang melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin OKIL. Dato Seri Utama Awang Haji Ismail.

"BANYAK guru, doktor, hakim, insinyur (jurutera), banyak orang buku-nya satu gudang dan diploma-nya sa-golong besar dan digri-nya satu cla, dalam masyarakat menjadi mati, sebab dia bukan orang masharakat."

Demikian-lah kata Dr. Hamka dalam buku-nya 'Peribadi'. Dalam kata lain, berlainan dengan sa-ekor kerbau yang nilai-nya pada tuboh-nya, gemok-nya, kuat-nya, kepandaian-nya menglela pedati atau membajak di-sawah, maka harga manusia terletak pada peribadi-nya.

Dalam siri ketiga tajok 'Apa Dia Semantik?' telah kita binchangkan satu dari sekian banyak kata2 baru yang di-bentuk dengan kata swa (kata dari bahasa Sanskrit dengan maana sendiri) ia-itu swakerja yang erti-nya kerja sendiri atau otoaktiviti. Kali ini baik-lah kita ambil satu lagi kata baru yang di-bentuk dengan kata tuna ia-itu tuna-peribadi.

Adapun kata tuna berasal dari bahasa Jawa dengan erti 'rugi', maka tuna-peribadi bermaksud rugi-peribadi atau tanpa peribadi atau pun tidak punya peribadi ataupun peribadi yang sangat lemah. Sa-bagai mana kata Dr. Hamka, salah satu gejala2 sa-orang yang kurang peribadi itu ialah sifat egoistik sifat mementingkan diri sendiri dalam erti umpama-nya orang yang hanya di-penuhi perasaan sa-mata2, sentimen sa-mata, bila ia sayang, ia lupa akan segala kebajikan.

Mari-lah kita kaji bersama satu aspek termostahak dalam peribadi sa-seorang itu, ia-itu dari segi akhlak. Adapun akhlak bermaksud budi-pekerti, sopan santun, adab susila ataupun sendi manusia yang penting dari sa-suatu masharakat peradaban pada lahir dan bathin-nya. Lawan kata akhlak ini sudah tentu krisis-moral, krisis akhlak ataupun tuna-akhlak ataupun tuna-peribadi.

Sayugia-lah lebih kurang dua puluh tahun di-perlukan untuk memimpin sa-orang manusia dari keadaan tumbuh2an ataupun lembaga jenin, sa-waktu ia maseh ada dalam kandongan ibu-nya, serta keadaan makhlok murni yang merupakan nasib daripada masa kanak2-nya yang mula2, menuju kepada keadaan sa-waktu keramajaan, kedewasaan daripada pemikiran2nya mulai tampak. Kira2 tiga puluh abad lamanya di-perlukan untuk mengetahui sedikit banyak-nya tentang susunan bangunan tuboh-nya dalam jangka lingkaran hidup manusia. Mungkin di-perlukan sa-lama2-nya untuk mengetahui sedikit sa-banyak-nya tentang jiwa-nya. Tetapi, hanya sa-kejap masa sahaja di-perlukan untuk membunuh-nya dengan ketiadaan al-akhlak, ketiadaan peribadi atau tuna-peribadi.

Di-sini-lah terletak-nya istilah krisis akhlak, ataupun krisis moral, tuna-moral, tuna-akhlak, tuna-peribadi, dalam maana ketiadaan: rasa tanggungjawab, kehilangan sopan santun, tidak menghormati nyawa dan harta benda

orang lain, tidak memulakan lagi nilai, bekerja menurut waktu yang di-tetapkan sendiri, bukan menurut waktu yang di-tetapkan dalam perjanjian sa-boleh2-nya jangan banyak kerja, hanya berbual2, goyang2 kaki saja, tetapi gaji di-tuntut-nya penoh dan sa-bagai-nya.

